



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Polis (Pindaan) 1981

DR.2/1981

D. R. No.

2 81

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Polis (Pindaan) 1981.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Polis 1967 adalah dipinda—

Pindaan bagi seksyen 2.
41/67.

(a) dengan menomborkannya semula sebagai seksyen-kecil (1) seksyen 2; dan

(b) dengan menambah selepas sahaja seksyen-kecil (1) seksyen-kecil baru (2) yang berikut:

“(2) Any reference in this Act and any other written law to a police officer of a certain rank shall include any police officer who is acting, or on probation or cadetship, in such rank and this subsection shall be deemed to have been an integral part of this Act as from the commencement of the Act.”.

Perbuatan-perbuatan yang dahulu hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

3. Segala perbuatan yang telah dilakukan oleh mana-mana pegawai polis, apajua pangkatnya, semasa ia memangku, atau dalam percubaan atau dalam latihan terdahulu daripada mula berkuatkuasanya Akta ini menurut apa-apa kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang diberi kepada pegawai polis, apajua pangkatnya, hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan memberi dengan nyatanya kuasa-kuasa yang diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada pegawai polis yang memegang pangkat tertentu kepada pegawai polis, apajua pangkatnya, semasa ia memangku, atau dalam percubaan atau dalam latihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1073.]